A

ONG KEH KEONG lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
MEOR HASHIMI ABDUL HAMID PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: BA-43-28-04-2018
& BA-44-153-05-2015]
B 13 JULAI 2018

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Semakan jenayah – Pertuduhan bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 – Kegagalan hadir untuk memberikan pembelaan –*
C *Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mensabitkan pemohon dan menjatuhkan hukuman penjara – Permohonan semakan bawah ss. 323 dan 325 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') – Sama ada terdapat bukti bahawa pemohon melarikan diri – Sama ada HMS membuat dapatan bawah sub-s. 425A(1) KTJ – Sama ada pemohon mendapat perbicaraan adil dan saksama*

D

Pemohon dipertuduh dengan lapan pertuduhan bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Berdasarkan rekod prosiding, pemohon telah hadir di mahkamah pada peringkat kes pendakwaan dan pembelaan pada tarikh-tarikh tertentu. Tetapi, pemohon gagal menghadirkan diri ke mahkamah
E pada 8 November 2017, 12 Januari 2018, 5 Mac 2018, 7 Mac 2018, 23 April 2018 dan 24 April 2018. Pada tarikh-tarikh tersebut, pemohon sepatutnya memberikan pembelaan tetapi telah jatuh sakit dan tidak dapat mengemukakan pembelaan. Pemohon juga mendapat sijil cuti sakit daripada klinik. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') memutuskan untuk menolak sijil
F cuti sakit yang dikemukakan oleh pemohon dan memutuskan untuk mensabitkan dan menjatuhkan hukuman penjara terhadap pemohon atas alasan pemohon tidak hadir di mahkamah untuk memberikan pembelaan, maka pemohon dianggap berdiam diri dan tidak mempunyai pembelaan terhadap semua pertuduhan yang dikenakan atas pemohon. Terkilan,
G pemohon memfailkan permohonan ini untuk satu semakan dibuat terhadap keputusan HMS bawah ss. 323 dan 325 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Responden menghujahkan peruntukan (perbicaraan tanpa kehadiran tertuduh) terpakai di mana jelas menunjukkan pemohon telah melarikan diri dan enggan hadir di mahkamah untuk kes pembelaan didengar. Oleh yang
H demikian, anggapan boleh dibuat yang pemohon mengetepikan haknya untuk hadir semasa perbicaraan kes. Pemohon, sebaliknya, menghujahkan bahawa (i) s. 425A KTJ tidak terpakai terhadapnya kerana tiada keterangan yang menunjukkan pemohon telah melarikan diri sebelum atau semasa perbicaraan dan hak pemohon untuk hadir di mahkamah untuk kes pembelaan tidak boleh dinafikan; dan (ii) walaupun notis rayuan telah
I difailkan atas keputusan HMS, proses rayuan akan mengambil masa dan kelewatan dalam proses rayuan akan mendatangkan prejudis kepada pemohon, oleh itu, permohonan semakan adalah lebih sesuai dan cepat, mengambil kira fakta dan keadaan kes.

Diputuskan (membenarkan semakan; mengenepikan sabitan dan hukuman; dan meremitkan semula kes ke Mahkamah Sesyen untuk pembelaan didengar):

(1) Peruntukan sub-s. 425A(1) jelas hanya boleh diguna pakai jika tertuduh melarikan diri sebelum atau semasa perbicaraan dan tertuduh dianggap mengetepikan haknya untuk hadir semasa perbicaraan kes. Rekod prosiding kes menunjukkan pemohon hadir di mahkamah semasa peringkat kes pendakwaan dan juga semasa peringkat kes pembelaan. Tiada bukti menunjukkan pemohon telah melarikan diri. Hakim Mahkamah Sesyen perlu membuat dapatan terlebih dahulu bawah sub-s. 425A(1) bahawa pemohon telah melarikan diri di peringkat kes pembelaan dan dianggap telah mengetepikan hak untuk hadir semasa perbicaraan. Berdasarkan rekod prosiding, tiada dapatan sedemikian dibuat oleh HMS. (perenggan 46 & 49-51)

(2) Subseksyen 425A(3) memperuntukkan bahawa HMS perlu mengeluarkan waran tangkap terhadap tertuduh kerana tertuduh tidak hadir di mahkamah dan seterusnya HMS mempunyai pilihan sama ada hendak menangguhkan perbicaraan demi menunggu kehadiran tertuduh atau menunggu pelaksanaan waran tangkap tersebut bawah sub-s. 425A(3)(a). Sekiranya HMS berpuas hati demi kepentingan keadilan tidak wajar menunggu kehadiran tertuduh atau menunggu pelaksanaan waran tangkap tersebut, perbicaraan kes boleh diteruskan tanpa kehadiran pemohon. Berdasarkan rekod prosiding, HMS tidak mengambil tindakan bawah sub-s. 425A(3)(a) atau (b), iaitu, tiada waran tangkap dikeluarkan terhadap pemohon untuk memenuhi kehendak subseksyen tersebut. Oleh yang demikian, peruntukan sub-s. 425A(4) tidak terpakai. (perenggan 54-56)

(3) Ketidakpatuhan undang-undang dan prosedur serta kekhilafan HMS semasa perbicaraan kes menyebabkan pemohon tidak mendapat perbicaraan adil dan saksama. Hak untuk mendapat perbicaraan adil dan saksama dijamin bawah per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Tiada keterangan kukuh menunjukkan pemohon telah melarikan diri dan mahkamah berpendapat s. 425A tidak dapat dijadikan asas oleh HMS. Mengikut rekod prosiding, HMS tidak membuat apa-apa dapatan mengenai isu ini. (perenggan 60 & 61)

(4) Walaupun rayuan telah difailkan oleh pemohon mengenai keputusan HMS, proses rayuan akan mengambil masa dan akan mendatangkan prejudis yang amat serius pada pemohon. Oleh itu, semakan yang dipohon oleh pemohon adalah berasas dan ini merupakan kes yang patut dan sesuai untuk mahkamah ini menggunakan budi bicara semakan bagi mengelakkan berlakunya salah laksana keadilan agar pemohon mendapat perbicaraan yang adil dan saksama. (perenggan 63 & 64)

Kes-kes yang dirujuk:
Bahruni Ismail v. PP [1997] 3 CLJ 267 FC ***(dirujuk)***
Bang Giok Kiom & Yang Lain lwn. PP [2011] 1 CLJ 643 HC ***(dirujuk)***
Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***
Diana Nelson Tanoja v. PP [2010] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Lee Kwan Woh v. PP [2009] 5 CLJ 631 FC ***(dirujuk)***
Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
Mohd Noor Yunus & Ors v. PP [2000] 5 CLJ 168 HC ***(dirujuk)***
Msimanga Lesaly v. PP [2005] 1 CLJ 398 CA ***(dirujuk)***
Muhamad Nuzul Ikhram Nurallail & Ors v. PP [2018] MLRHU 1 ***(dirujuk)***
Muzammil Izat Hashim v. PP [2009] 2 CLJ 354 CA ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris & Ors [1976] 1 LNS 96 HC ***(dirujuk)***
PP v. Kulasingam [1974] 1 LNS 118 HC ***(dirujuk)***
PP v. Muhari Mohd Jani & Anor [1999] 8 CLJ 430 HC ***(dirujuk)***
R v. Velevski [2000] NSWCCA 445 ***(dirujuk)***
Re Radha Krishna Naidu [1961] 1 LNS 112 HC ***(dirujuk)***
Re Soo Leot [1955] 1 LNS 127 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing Act 2001, s. 4(1)(a)
Courts of Judicature Act 1964, ss. 31, 35
Criminal Procedure Code, ss. 173(h)(i), (ii), (iii), (ha)(i), (ii), (iii), (j)(i), (ii), (iii), 273, 323, 324, 325, 326, 327, 425A(1), (3)(a), (b), (4), (6)
Federal Constitution, art. 5(1)

Bagi pihak pemohon - C Vignesh Kumar Chellapah & Syed Muhammad Adeeb Barakbah; T/n Vignesh Kumar & Assocs
Bagi pihak responden - Asmah Musa & Poh Yih Tinn; TPR

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Meor Hashimi Abdul Hamid PK:

Permohonan Semakan

[1] Tetuan Vignesh Kumar & Associates, peguam bela pemohon melalui surat bertarikh 25 April 2018 telah memohon kepada mahkamah ini agar satu semakan dibuat terhadap perintah Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) Shah Alam yang dibuat pada 24 April 2018.

[2] Pada tarikh tersebut, HMS yang bijaksana telah membuat perintah mensabitkan dan mendapati pemohon bersalah dan menjatuhkan hukuman penjara terhadap pemohon, atas alasan pemohon tidak hadir untuk memberikan pembelaan dan pemohon dianggap berdiam diri dan tiada pembelaan bagi menjawab pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon.

Latar Belakang Kes

[3] Pemohon telah dituduh dengan lapan pertuduhan di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613].

[4] Di Mahkamah Sesyen Shah Alam, tiga pertuduhan telah digabungkan bersama dan didaftarkan sebagai Kes Tangkap No. 62K-34-04-2016, tiga pertuduhan lagi digabungkan dan didaftarkan sebagai Kes Tangkap No. 62K-35-04-2016 dan baki dua pertuduhan lagi digabungkan dan didaftarkan sebagai Kes Tangkap No. 62K-36-04-2016.

[5] Ketiga-tiga kes tangkap tersebut kemudiannya telah digabungkan untuk dibicarakan bersama di hadapan HMS yang bijaksana.

[6] Pemohon mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dikenakan dan perbicaraan kes telah bermula pada 16 Januari 2017.

[7] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai sepuluh orang saksi pendakwa memberi keterangan dan pada 8 Ogos 2017, keputusan di akhir kes pendakwaan, HMS yang bijaksana telah memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap pemohon dan pemohon diperintah membela diri.

[8] Pada tarikh tersebut, pemohon telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dan apabila ditanya oleh HMS yang bijaksana, memaklumkan pihak pembelaan mempunyai lapan ke sepuluh orang saksi.

[9] Daripada rekod prosiding, pemohon telah hadir di peringkat kes pendakwaan di mahkamah untuk prosiding kes pada 16 Januari 2017, 17 Januari 2017, 7 Mac 2017, 5 April 2017, 6 April 2017, 7 April 2017, 19 Mei 2017, 23 Mei 2017, 24 Mei 2017, 5 Julai 2017, 7 Julai 2017 dan 8 Ogos 2017 (keputusan di akhir kes pendakwaan).

[10] Manakala di peringkat kes pembelaan, pemohon juga telah hadir di mahkamah pada 23 Oktober 2017, 2 November 2017, 10 Januari 2018 dan 11 Januari 2018 tetapi atas alasan-alasan yang dibangkitkan oleh pemohon semasa tarikh-tarikh tersebut, pemohon tidak memberikan pembelaannya.

[11] Pemohon tidak hadir di mahkamah pada 8 November 2017, 12 Januari 2018, 5 Mac 2018, 7 Mac 2018, 23 April 2018 dan 24 April 2018. Alasan ketidakhadiran pemohon disebabkan alasan kesihatan di mana pemohon telah mendapat sijil cuti sakit.

[12] Mengikut rekod prosiding, semasa penangguhan terakhir yang dibenarkan oleh HMS yang bijaksana pada 24 April 2018, akibat ketidakhadiran pemohon, HMS yang bijaksana telah membuat perintah seperti berikut:

> (1) Di dalam kes ini, pembelaan telah dipanggil, iaitu OKT telah dipanggil untuk membela diri pada 08.08.2017 (penjamin boleh berundur tepi) dan mahkamah seterusnya telah menetapkan sambung bicara untuk membolehkan OKT mengemukakan pembelaan, seingat saya, based on record, seawal 23.10.2017.
>
> (2) Namun begitu sehingga kini OKT telah gagal kemukakan pembelaannya dan sehingga kini OKT masih gagal memberikan pembelaannya telah menghampiri 6 bulan.

(3) Mahkamah mendapati setiap kali tarikh sambung bicara untuk OKT kemukakan pembelaan diberikan, mahkamah dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam kes-kes ini akan terkecewa di mana OKT akan mengemukakan MC.

(4) Mahkamah pada semalam telah memberikan Notis kepada peguam bela yang menyebut, bahawa kes ini perlu ada penghujungnya, diselesaikan segera jika tidak mahkamah ini perlu mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan wajar bagi menjamin keadilan tidak dikecewakan.

(5) Hari ini difahamkan OKT sekali lagi kemukakan Sijil Sakit. Mahkamah menolak MC OKT.

(6) Apa yang jelas walaupun OKT telah diberikan peluang secukupnya untuk mengemukakan pembelaannya, sehingga hari ini tidak ada tanda-tanda OKT ini bersungguh-sungguh untuk mengemukakan pembelaannya. Tingkah laku OKT ini jelas telah menyebabkan keadilan dikecewakan. Setiap kali tarikh sambung bicara pembelaan ditetapkan OKT tidak akan hadir dan sering kemukakan MC.

(7) Selaku hakim bicara, saya berpendapat OKT didapati telah dengan sengaja menggagalkan keadilan dari ditegakkan dan adil di sini sepertimana pihak-pihak faham adalah adil kepada mahkamah perbicaraan ini sendiri, pendakwaan dan juga semua pihak yang terlibat di dalam kes ini.

(8) OKT telah bertindak keterlaluan dan kembali kepada 3 pilihan memberikan keterangan, OKT walaupun melalui Peguam bela memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah tetapi sehingga kini gagal memberikannya walaupun peluang telah diberikan.

(9) Mahkamah dengan ini beranggapan OKT hari ini memilih untuk berdiam diri.

Keputusan mahkamah di akhir kes pembelaan

Setelah mahkamah bicara ini membuat penilaian semula keseluruhan keterangan yang ada di hadapan saya baik di peringkat kes pendakwaan dan kini di peringkat kes pembelaan, mahkamah bicara ini berpuas hati dan mendapati pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Mahkamah dengan ini memutuskan OKT bersalah dan disabitkan dengan kesemua 8 pertuduhan di sini.

Rayuan: OKT tidak hadir untuk kemukakan rayuan.

Mahkamah dengan ini menjatuhkan hukuman seperti berikut:

Hukuman

Bagi 62K-34-04/2015

Pertuduhan 1: 5 tahun penjara dari tarikh jatuh hukum bertarikh 24.04.2018.

Pertuduhan 2: 5 tahun penjara dari tarikh jatuh hukum bertarikh 24.04.2018.

Pertuduhan 3: 5 tahun penjara dari tarikh jatuh hukum bertarikh 24.04.2018. A

Ketiga-tiga hukuman berjalan serentak dari tarikh jatuh hukum.

Bagi 62K-35-04/2015

Pertuduhan 1: 5 tahun penjara B

Pertuduhan 2: 5 tahun penjara

Pertuduhan 3: 5 tahun penjara

Ketiga-tiga hukuman ini berjalan serentak dan berkuat kuasa selepas hukuman dalam 62K-34-04/2015. C

Bagi 62K-36-04/2015

Pertuduhan 1: 5 tahun penjara

Pertuduhan 2: 5 tahun penjara

Kedua-dua hukuman ini diperintah berjalan serentak dan berkuat kuasa selepas hukuman dalam 62K-35-04/2015. D

Hujahan Peguam Bela Pemohon

[13] Peguam bela pemohon yang menyediakan penghujahan bertulis telah menghujahkan bahawa telah berlaku salah laksana keadilan yang amat serius akibat perintah HMS yang bijaksana pada 24 April 2018. E

[14] HMS yang bijaksana telah melanggari, antara lain, s. 173(j)(iii) dan s. 273 Kanun Tatacara Jenayah.

[15] Pada tarikh tersebut, pemohon sepatutnya memberikan pembelaan tetapi telah jatuh sakit dan tidak dapat memberikan pembelaan. Pemohon juga telah mendapat sijil cuti sakit daripada Klinik Kesihatan Kota Damansara. F

[16] HMS yang bijaksana sebelum memutuskan untuk menolak sijil cuti sakit yang dikemukakan oleh pemohon sepatutnya memanggil pegawai perubatan yang mengeluarkan sijil cuti sakit untuk hadir di mahkamah dan memberi penjelasan mengenai tahap kesihatan pemohon sebelum membuat keputusan menolak sijil tersebut. G

[17] HMS yang bijaksana telah membuat keputusan untuk mensabitkan dan menjatuhkan hukuman penjara terhadap pemohon atas alasan pemohon tidak hadir di mahkamah untuk memberikan pembelaan, maka pemohon dianggap berdiam diri dan tidak mempunyai pembelaan terhadap semua pertuduhan yang dikenakan ke atas pemohon. H

[18] Peguam bela pemohon juga menghujahkan bahawa peruntukan s. 425A Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai kerana tiada keterangan yang menunjukkan pemohon telah melarikan diri sebelum atau semasa perbicaraan (applicant has not absconded) dan hak pemohon untuk hadir di mahkamah untuk kes pembelaan tidak boleh dinafikan. I

[19] Sepanjang kes di peringkat pendakwaan dan juga sebahagian kes peringkat pembelaan, pemohon telah hadir di mahkamah dan pemohon tidak hadir untuk memberikan pembelaan di peringkat kes pembelaan kerana tidak sihat dan telah mendapat sijil cuti sakit.

[20] Peguam bela pemohon juga menghujahkan, walaupun notis rayuan telah difailkan oleh pemohon ke atas keputusan HMS yang bijaksana, proses rayuan akan mengambil masa dan kelewatan dalam proses rayuan akan mendatangkan prejudis kepada pemohon. Oleh itu, permohonan semakan lebih sesuai dan cepat mengambil kira fakta dan keadaan kes.

[21] Peguam bela pemohon menghujahkan supaya mahkamah ini menyemak keputusan HMS yang bijaksana di bawah s. 323 dan s. 325 Kanun Tatacara Jenayah dan mengetepikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan terhadap pemohon dan kes diremit semula ke Mahkamah Sesyen untuk kes pembelaan didengar.

[22] Bagi menyokong hujahannya, peguam bela pemohon telah merujuk kepada nas dan perundangan berikut:

(i) *PP v. Kulasingam* [1974] 1 LNS 118; [1974] 2 MLJ 26;

(ii) *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163;

(iii) *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631;

(iv) *Sarkar Code of Criminal Procedure* 9th edn Reprint 2010;

(v) *PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris & Ors* [1976] 1 LNS 96; [1977] 1 MLJ 14; dan

(vi) *Mohd Noor Yunus & Ors v. PP* [2000] 5 CLJ 168.

Hujahan Timbalan Pendakwa Raya Bagi Pihak Responden

[23] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi pihak responden pula menghujahkan bahawa tiada kekhilafan dilakukan oleh HMS yang bijaksana yang telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman penjara terhadap pemohon, tanpa kehadiran dan tanpa pembelaan pemohon didengar.

[24] Fakta dan keadaan kes menunjukkan pemohon tidak berhasrat memberikan pembelaan dan telah beberapa kali tidak hadir di mahkamah di peringkat kes pembelaan atas alasan kesihatan dan mengemukakan sijil cuti sakit. Perbuatan sedemikian oleh pemohon boleh dianggap sebagai pemohon mengetepikan haknya untuk hadir di mahkamah dan memberikan pembelaannya. Dalam erti kata yang lain, pemohon boleh dianggap memilih berdiam diri dan tiada pembelaan mengikut dapatan HMS yang bijaksana.

[25] Pemohon juga telah cuba melarikan diri daripada pihak polis yang melaksanakan waran komital yang diperolehi selepas sabitan dan hukuman dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana di mana pemohon hanya berjaya dikesan dan ditangkap di Kelab Golf TPC pada malam 24 April 2018.

[26] Pihak responden menghujahkan peruntukan s. 425A Kanun Tatacara Jenayah (perbicaraan tanpa kehadiran tertuduh) yang dimasukkan melalui Akta Pindaan A1521 berkuat kuasa mulai 1 Mac 2017 terpakai di mana jelas menunjukkan pemohon telah melarikan diri dan enggan hadir di mahkamah untuk kes pembelaan didengar. Oleh yang demikian, anggapan boleh dibuat yang pemohon mengetepikan haknya untuk hadir semasa perbicaraan kes.

[27] Pihak responden juga menghujahkan bahawa memandangkan notis rayuan telah difailkan oleh pemohon, adalah lebih teratur proses rayuan diteruskan dan permohonan semakan ditolak oleh mahkamah ini.

[28] Pihak responden menghujahkan bahawa tiada berlakunya salah laksana keadilan dan perintah HMS yang bijaksana adalah betul, sah dan teratur mengambil kira peruntukan s. 425A Kanun Tatacara Jenayah.

[29] Bagi menyokong hujahannya, pihak responden telah merujuk kepada nas dan perundangan berikut:

(i) *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631;

(ii) *Diana Nelson Tanoja v. PP* [2010] 3 CLJ 1;

(iii) *Dalip Bhagwan Singh v. PP* [1997] 4 CLJ 645; [1998] 1 MLJ 1;

(iv) *Msimanga Lesaly v. PP* [2005] 1 CLJ 398; [2005] 4 MLJ 314;

(v) *Bahruni Ismail v. PP* [1997] 3 CLJ 267; [1997] 2 MLJ 265;

(vi) *R v. Velevski* [2000] NSWCCA 445;

(vii) NS Bindra's *Interpretation of Statutes* 10th edn Reprint 2012;

(viii) Hansard Dewan Rakyat pada 7 April 2015 dan 19 Mei 2016;

(ix) Surat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bertarikh 20 April 2000 mengenai kes-kes tertangguh;

(x) Kronologi kes pemohon bermula dari 21 April 2015 hingga 24 April 2018; dan

(xi) Butir-butir penyiasatan dan tangkapan pemohon pada 24 April 2018 dan 25 April 2018.

Bidang Kuasa Semakan

[30] Bidang kuasa semakan yang diberikan kepada mahkamah ini adalah seperti yang diperuntukkan di bawah ss. 323 hingga 327 Kanun Tatacara Jenayah dan juga ss. 31 dan 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91).

[31] Peruntukan-peruntukan tersebut telah memberikan kuasa yang cukup luas bagi menentukan sama ada keputusan mahkamah bawahan itu betul, mengikut undang-undang atau bersesuaian mengenai keputusan, hukuman atau perintah yang dibuat serta sama ada teraturnya sesuatu prosiding mahkamah bawahan itu (rujuk *Bang Giok Kiom & Yang Lain lwn. PP* [2011] 1 CLJ 643).

[32] Seksyen 323 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

Powers to call for records of subordinate courts

(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate criminal court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate court.

(2) Orders made under sections 97 and 98 are not proceedings within the meaning of this section.

[33] Manakala s. 325 Kanun Tatacara Jenayah pula memperuntukkan seperti berikut:

Powers of judge on revision

(1) A Judge may, in any case the record of the proceedings of which has been called for by himself or which otherwise comes to his knowledge, in his discretion, exercise any of the powers conferred by sections 311, 315, 316 and 317 of this Code.

(2) No order under this section shall be made to the prejudice of the accused unless he has had an opportunity of being heard, either personally or by an advocate, in his own defence.

(3) Nothing in this section shall be deemed to authorise a Judge to convert a finding of acquittal into one of conviction.

[34] Seksyen 31 dan s. 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 pula memperuntukkan seperti berikut:

Section 31

Revision of criminal proceedings of subordinate courts

The High Court may exercise powers of revision in respect of criminal proceedings and matters in subordinate courts in accordance with any law for the time being in force relating to criminal procedure.

Section 35

General supervisory and revisionary jurisdiction of High Court

(1) In addition to the powers conferred on the High Court by this or any other written law, the High Court shall have general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate courts, and may in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing provision, if it appears desirable in the interest of justice, either of its own motion or at the instance of any party or person interested, at any stage in any matter or proceeding, whether civil or criminal, in any subordinate court, call for the record thereof, and may remove the same into the High Court or may give to the subordinate court such directions as to the further conduct of the same as justice may require.

(2) Upon the High Court calling for any record as aforesaid all proceedings in the subordinate court in the matter of proceedings in question shall be stayed pending further order of the High Court.

[35] Mahkamah ini juga telah merujuk kepada beberapa nas yang menyentuh kuasa semakan yang diberikan kepada mahkamah ini. Antara nas-nas yang dirujuk adalah seperti di bawah ini.

[36] Dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35;[1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69, Abdul Hamid CJ (Malaya) (ketika itu) menyatakan tujuan semakan ialah seperti berikut:

... We could observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is:

... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct a miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individual.

(*Emperor v. Nasrullah & Others* [1928] AIR All 287)

... It is also clear that the High Court may examine the record of proceedings in the subordinate courts "whenever it considers that in doing so the purpose of justice will be served, as for example, when the record discloses no offence or when the accused is subjected to a vexatious and groundless prosecution (*Ramanathan Chettiyar v. Subrahmanya Ayyar* IRC 47 Mad 722) ... .

[37] Dalam kes *Re Radha Krishna Naidu* [1961] 1 LNS 112; [1962] MLJ 130, Hepworth J telah menyatakan seperti berikut:

... It should only exercise revisional powers in exceptional cases where there has been a denial of the right of a fair trial or it is urgently demanded in the interests of public justice ... .

[38] Dalam kes *Re Soo Leot* [1955] 1 LNS 127; [1956] 1 MLJ 54b, Buhagiar J telah memberikan pandangan seperti berikut:

... The powers of the High Court in revision are exercisable at the discretion of the court and that discretion is untrammelled and free, so as to be fairly exercised according to the exigencies of each case ... .

[39] Dalam kes *PP v. Kulasingam* [1974] 1 LNS 118; [1974] 2 MLJ 26, Hashim Yeop A Sani J (ketika itu) pula menyatakan seperti berikut:

... The powers of the High Court in revision are amply provided under section 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-sections (ii) and (iii) thereof. The object of revisionary powers of the

A High Court is to confer upon the High Court a kind of "paternal or supervisory jurisdiction" in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower court should be interfered with the interest of justice ... .

B

[40] Dalam kes *PP v. Muhari Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430; [1996] 3 MLJ 116, KC Vohrah J (ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

... Under s. 31 of the Courts of Judicature Act 1964 ("the CJA"), the High
C Court may exercise powers of revision in respect of criminal proceedings and matters insubordinate courts in accordance with any law for the time being in force relating to criminal procedure. In the CPC, Ch 882I, ss. 323-327 relate to revision. It has to be pointed out that there are another three provisions - ss. 35, 36 and 37 of the CJA - relating to revision, with s. 35 giving general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate
D courts in any criminal or civil matter of proceeding ... .

[41] Dalam kes *Muzammil Izat Hashim v. PP* [2009] 2 CLJ 354, Hasan Lah JCA (ketika itu) telah menyatakan seperti berikut:

... Suffice to say that it has been accepted as settled law that except for
E very good reasons the High Court should not exercise its revisionary powers when a decision complained of is appealable and no appeal has been lodged. In *Mohd Dalhar Redzwan & Anor v. Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala lumpur* [1995] 2 CLJ 209 at p. 219 Gopal Sri Ram JCA, said:

F The second principle of settled law is that, save in exceptional cases and for very good reasons, there can be no resort had by a party to the revisionary jurisdiction of the High Court when the decision complained of is appealable and no appeal has been lodged (*Dorai Manickam v. R* [1936] MLJ 261 ... .

[42] Dalam kes *Muhamad Nuzul Ikhram Nurallail & Ors v. PP* [2018]
G MLRHU 1, Collin Sequerah J telah memutuskan seperti berikut:

... *Mallal's Criminal Procedure*, 7th Edition published by Lexis Nexis, para 1558, states that in an appeal it is the duty of the appellate court to examine the evidence and come to an independent finding on each issue of fact but the court sitting in a revision deals with questions of evidence
H or disturbs the finding of fact by the lower court in very exceptional circumstances, to prevent a miscarriage of justice. The court in revision will confine itself to errors of law or procedure only.

The said textbook writer goes on to state that in an application for revision the main question to consider is whether substantial justice has
I been done and whether the court should interfere in the interests of justice.

In a revision the applicant has no right whatever beyond the right of bringing his case to the notice of the court. It is then for the court to interfere in exceptional cases where it appears that some real and substantial justice has been done. The section in the said textbook concludes by stating that a revision is not to be regarded as some sort of second appeal on a question of law.

From a distillation of the above, it appears that the High Court ought only exercise its powers of revision when:

(i) There are errors of law or procedure; and

(ii) To prevent a miscarriage of justice ... .

Seksyen 425A Kanun Tatacara Jenayah

[43] Seksyen 425A Kanun Tatacara Jenayah mempunyai peruntukan seperti berikut:

Trial in absence of an accused

Section 425A provides as follows:

(1) Notwithstanding any other provision of this Code, if an accused after being charged absconds before or during the course of his trial, the accused shall be deemed to have waived his right to be present at the trial.

(2) A Court may proceed or continue with the trial and pronounce judgment in the absence of the accused provided that the Court shall not pass any of the following sentences in the absence of the accused:

(a) death;

(b) imprisonment for life; and

(c) Imprisonment for natural life.

(3) If a warrant of arrest has been issued:

(a) the Court may adjourn the trial and await the appearance of the accused or await the execution of the warrant; or

(b) if the Court is satisfied that it is no longer in the interest of justice to await the appearance of the accused or to await the execution of the warrant, the Court may, at any time, proceed or continue with the trial.

(4) If the Court proceeds or continues with the trial pursuant to subsection (2), the Court may draw an inference adverse to the accused from the fact that he has absconded.

(5) If an accused reappears at his trial, he is not entitled to have any part of the proceedings that was concluded in his absence reopened unless the Court is satisfied that because of exceptional circumstances it is in the interest of justice to reopen the proceedings.

(6) Where an accused has absconded and the Court proceeds or continues with his trial, counsel for the accused may continue to act for the accused in the trial.

(7) For the purpose of this section, "judgment" includes conviction, acquittal and sentence.

Dapatan Dan Keputusan Mahkamah Ini

[44 Seksyen 425A Kanun Tatacara Jenayah ialah peruntukan baharu yang dimasukkan melalui pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah [Akta A1521] dan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2017. Mengikut Penyata Rasmi (Hansard) Dewan Rakyat semasa pembentangan Rang Undang-Undang tersebut pada 7 April 2015, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajah Nancy binti Shukri) telah menyatakan seperti berikut:

> Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 425A ke dalam Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen baru 425A memperuntukkan tatacara dalam keadaan jika tertuduh melarikan diri sebelum atau semasa perbicaraan selepas dia dipertuduh. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, Mahkamah dibenarkan untuk meneruskan perbicaraan dan menyelesaikan daripada segi tanpa kehadiran tertuduh yang melarikan diri itu. Mahkamah juga boleh menjatuhkan hukuman tanpa kehadiran tertuduh. Hukuman mati, pemenjaraan seumur hidup dan pemenjaraan seumur hayat tidak boleh dijatuhkan oleh Mahkamah tanpa kehadiran tertuduh.

[45] Selanjutnya pada 19 Mei 2016, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajah Nancy binti Shukri) telah menyatakan semasa perbahasan Rang Undang-Undang tersebut seperti berikut:

> Seksyen 425A ini adalah bertujuan untuk membolehkan kes dibicarakan meskipun tertuduh tidak dapat dikesan selepas pendakwaan berjaya menunjukkan bahawa tertuduh telah melarikan diri atau abscond dan waran tangkap tidak dapat dilaksanakan.
>
> Prosedurnya, kalau sekiranya perlu didengar *in absentia* itu, kalau perlu didengar, ia perlu melalui proses yang sebelum itu ada prosedur di mana hakim mahkamah yang membicarakan itu akan menentukan sama ada apa yang perlu dilakukan oleh pihak pendakwa. Pihak pendakwa perlu mematuhi peraturan dalam prosedur dalam tatacara ini. Jadi ia tidaklah terus *in absentia* itu terus diimplementasikan. Jadi dalam hal ini kalau kita lihat macam kes Alvin Tan yang telah melarikan diri ke luar negara, jadi ini di antara salah satu daripada sebabnya. Ia tidak berlaku sewenang-wenangnya

[46] Dalam dapatan mahkamah ini, peruntukan sub-s. 425A(1) jelas memperuntukkan bahawa peruntukan tersebut hanya boleh diguna pakai jika tertuduh melarikan diri sebelum atau semasa perbicaraan dan tertuduh dianggap mengetepikan haknya untuk hadir semasa perbicaraan kes.

[47] *Kamus Inggeris Melayu Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka* memberikan terjemahan "abscond" sebagai melarikan diri. Maksud "abscond" mengikut *Oxford English Dictionary* ialah "leave hurriedly and secretly, typically to escape from custody or avoid arrest". Manakala mengikut *Cambridge English Dictionary* ialah "to go away suddenly and secretly in order to escape from somewhere". Mengikut *Merriam-Webster Dictionary*, "abscond" derives from Latin "*abscondere*" meaning "to hide away," a product of prefix "ab-" and "condere," a verb meaning "to conceal". Mengikut *Collin English Dictionary* pula "abscond" bermaksud "to go away hastily and secretly; run away and hide, especially in order to escape the law".

[48] Pengertian "absconded" dalam *The Oxford Dictionary of Law* pula dinyatakan seperti berikut:

> the failure of a person to surrender to the custody of the court in order to avoid legal proceedings. Refer also to 'surrender of custody' which means to give oneself into the custody of the court or police at the appointed time and place. It is the primary condition of all releases on bail to surrender to custody: in order to achieve this, the court may attach conditions to the bail such as the provision of the surety or restriction on movement. Failure to surrender to custody is an offence. The police may arrest without warrant anyone who they reasonably believes is not going to surrender to custody or anyone who they have been informed by a surety is not going to surrender.

[49] Rekod prosiding kes menunjukkan pemohon telah hadir di mahkamah semasa peringkat kes pendakwaan dan juga semasa peringkat kes pembelaan. Terdapat beberapa hari di peringkat kes pembelaan di mana pemohon tidak hadir di mahkamah atas alasan kesihatan dan pemohon telah mendapat sijil cuti sakit.

[50] Dalam dapatan mahkamah ini, tiada bukti yang menunjukkan pemohon telah melarikan diri. Lagi pula, peguam bela pemohon dan juga penjamin pemohon iaitu kakak pemohon hadir di mahkamah pada 24 April 2018 dan memaklumkan HMS yang bijaksana mengenai ketidakhadiran pemohon akibat tidak sihat dan mendapat sijil cuti sakit.

[51] HMS yang bijaksana perlu membuat dapatan terlebih dahulu di bawah sub-s. 425A(1) bahawa pemohon telah melarikan diri di peringkat kes pembelaan dan dianggap telah mengetepikan hak untuk hadir semasa perbicaraan. Daripada rekod prosiding, tiada dapatan sedemikian telah dibuat oleh HMS yang bijaksana.

[52] HMS yang bijaksana juga tidak memerintahkan pegawai perubatan yang mengeluarkan sijil cuti sakit pemohon untuk hadir di mahkamah dan memberi penjelasan mengenai tahap kesihatan pemohon sebelum membuat keputusan menolak sijil cuti sakit pemohon.

[53] Selanjutnya, HMS yang bijaksana juga tidak memerintahkan notis tunjuk sebab dikeluarkan kepada penjamin pemohon bagi menjawab ketidakhadiran pemohon dan juga mengeluarkan waran tangkap terhadap pemohon kerana tidak hadir di mahkamah untuk pembelaan kes.

[54] Subseksyen 425A(3) pula memperuntukkan bahawa HMS yang bijaksana perlu mengeluarkan waran tangkap terhadap tertuduh disebabkan ketiadaan tertuduh di mahkamah dan seterusnya HMS yang bijaksana mempunyai pilihan sama ada menangguhkan perbicaraan bagi menunggu kehadiran tertuduh atau menunggu pelaksanaan waran tangkap tersebut di bawah sub-s. 425A(3)(a).

[55] Sekiranya HMS yang bijaksana berpuas hati demi kepentingan keadilan adalah tidak wajar menunggu kehadiran tertuduh atau menunggu pelaksanaan waran tangkap tersebut, perbicaraan kes boleh diteruskan tanpa kehadiran pemohon. Ini diperuntukkan bawah sub-s. 425A(3)(b).

[56] Daripada rekod prosiding, HMS yang bijaksana tidak mengambil tindakan di bawah sub-s. 425A(3)(a) atau (b) di mana tiada waran tangkap dikeluarkan terhadap pemohon bagi memenuhi kehendak subseksyen tersebut. Oleh yang demikian, peruntukan sub-s. 425A(4) tidak terpakai.

[57] Manakala sub-s. 425A(6) pula memperuntukkan sekiranya tertuduh melarikan diri dan mahkamah meneruskan perbicaraan kes, peguam tertuduh boleh terus mewakili tertuduh dalam perbicaraan kes.

[58] Rekod prosiding menunjukkan peguam bela tertuduh hadir di mahkamah pada 24 April 2018 dan tidak diberi peluang oleh HMS yang bijaksana untuk berhujah atau meneruskan pembelaan bagi pihak pemohon.

[59] Kejadian yang berlaku pada malam 24 April 2018 di mana pemohon ditangkap di Kelab Golf TPC tidak boleh digunakan untuk membuktikan pemohon melarikan diri bagi tujuan s. 425A kerana ia berlaku selepas perbicaraan di mana pemohon telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman oleh HMS yang bijaksana. Tangkapan pemohon juga berdasarkan waran komital yang dikeluarkan oleh HMS yang bijaksana dan bukan waran tangkap mengikut kehendak sub-s. 425A(3).

[60] Ketidakpatuhan undang-undang dan prosedur serta kekhilafan HMS yang bijaksana semasa perbicaraan kes telah menyebabkan pemohon tidak mendapat perbicaraan yang adil dan saksama. Hak untuk mendapat perbicaraan yang adil dan saksama adalah dijamin di bawah per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Rujuk *Lee Kwan Woh v. PP (supra)*.

[61] Mahkamah ini juga mendapati tiada keterangan yang kukuh menunjukkan pemohon telah melarikan diri dan berpandangan s. 425A tidak dapat dijadikan asas oleh HMS yang bijaksana. Malahan, mengikut rekod prosiding, HMS yang bijaksana tiada membuat apa-apa dapatan mengenai isu ini.

[62] Memandangkan peruntukan di bawah s. 425A tidak terpakai dalam kes pemohon, HMS yang bijaksana berkewajipan di sisi undang-undang dan mesti memberikan hak kepada pemohon untuk:

(i) membela diri apabila kes *prima facie* berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan mengikut s. 173(h)(i), (ii) dan (iii);

(ii) mendapat tiga pilihan membela diri mengikut s. 173(ha)(i), (ii) atau (iii);

(iii) membela diri dan memanggil saksi pembelaan mengikut s. 173(j)(i), (ii) dan (iii);

(iv) membuat hujahan di akhir kes pembelaan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah;

(v) menghadiri mahkamah semasa penghakiman dibuat oleh HMS yang bijaksana mengikut s. 273; dan

(vi) memberi peluang kepada pemohon atau peguam bela pemohon membuat mitigasi sebelum hukuman dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana.

[63] Dalam dapatan mahkamah ini, walaupun rayuan telah difailkan oleh pemohon mengenai keputusan HMS yang bijaksana, kuasa semakan yang diberi kepada mahkamah ini membolehkan semakan dibuat terhadap keputusan HMS yang bijaksana. Proses rayuan akan mengambil masa dan akan mendatangkan prejudis yang amat serius kepada pemohon. Rujuk *Muzammil Izat Hashim v. PP* (*supra*) dan *Muhamad Nuzul Ikhram Nurallail & Ors v. PP* (*supra*).

[64] Mahkamah ini memutuskan bahawa semakan yang dipohon oleh peguam bela pemohon adalah berasas dan ini merupakan kes yang patut dan sesuai untuk mahkamah ini menggunakan budi bicara semakan bagi mengelakkan berlakunya salah laksana keadilan dan juga supaya pemohon mendapat perbicaraan yang adil dan saksama.

[65] Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini membenarkan semakan yang dipohon oleh peguam bela pemohon mengikut kuasa di bawah ss. 323 dan 325 Kanun Tatacara Jenayah dan seterusnya mengetepikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana dan juga diperintahkan kes diremit semula ke Mahkamah Sesyen untuk pembelaan didengar.